SHAHRUL MIZAN ABDULLAH SANI v. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KLANG
AZMI ABDULLAH H
[RAYUAN JENAYAH NO: BL-42S-5-06-2021]
30 JANUARI 2023

Abstrak – *Tanggungjawab yang digalas hakim bicara, dalam memastikan seorang tertuduh menjalani perbicaraan yang adil dan saksama, bertambah berat apabila tertuduh tersebut tidak diwakili peguam. Hakim bicara perlu mengambil kira latar belakang tertuduh sebagai orang awam yang tiada latar belakang undang-undang dan, dengan itu, memberi bantuan sepenuhnya pada tertuduh tersebut. Kegagalan hakim bicara berbuat demikian akan membuka satu ruang salah laku keadilan yang boleh menyebabkan segala keputusan hakim bicara terkhilaf dan dianggap tidak menjunjung konsep keadilan sebenar.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Tertuduh dituduh bawah s. 324 Kanun Keseksaan – Kesalahan menyebabkan kecederaan dengan menggunakan sebatang kayu – Tertuduh tidak diwakili peguam bela sepanjang perbicaraan – Tertuduh disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun – Sama ada sabitan dan hukuman selamat*

PROSEDUR JENAYAH: *Hakim – Peranan dan kewajipan hakim bicara – Tertuduh dituduh bawah s. 324 Kanun Keseksaan – Kesalahan menyebabkan kecederaan dengan menggunakan sebatang kayu – Tertuduh tidak diwakili peguam bela sepanjang perbicaraan – Peranan dan kewajipan hakim bicara dalam perbicaraan apabila tertuduh tidak diwakili oleh peguam bela – Kanun Tatacara Jenayah, s. 257(1)*

Perayu dikatakan telah menyebabkan kecederaan pada isterinya ('SP1') dengan menumbuk, menendang dan memijaknya serta memukulnya dengan kayu beluti. SP1 telah mendapatkan rawatan di hospital sebelum membuat laporan polis. Kedua-dua doktor yang merawat SP1 mengesahkan bahawa kecederaan yang dialami oleh SP1 selaras dengan penceritaannya bahawa dia ditumbuk dan dipukul dengan objek tumpul iaitu kayu beluti. Perayu dituduh di Mahkamah Sesyen atas kesalahan menyebabkan kecederaan dengan menggunakan sebatang kayu pada pasangannya, satu kesalahan bawah s. 324 Kanun Keseksaan. Sepanjang perbicaraan, perayu tidak diwakili peguam kerana tidak mampu dan, secara sendiri, mengendalikan perbicaraan terhadap pertuduhan yang dihadapinya. Di akhir perbicaraan, perayu disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara. Maka timbul rayuan ini.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Menurut s. 257(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'), dalam kes-kes apabila tertuduh tidak diwakili peguam bela, hakim bicara berkewajipan memberitahu padanya tentang haknya memberi keterangan sendiri dan jika dia memilih memberi keterangan sendiri. Jika dia memilih memberi keterangan bagi pihaknya, dia harus diberi ingatan tentang perkara-perkara utama dalam keterangan pendakwaan yang tidak menyokongnya supaya dia berpeluang menerangkan perkara-perkara tersebut. Ini gagal dilaksanakan oleh hakim bicara. (perenggan 32 & 33)

(2) Kegagalan seorang hakim bicara melaksanakan tanggungjawab beliau bawah s. 257(1) KTJ adalah, secara amnya, satu 'miscarriage of justice' tetapi pengecualian diberi jika tertuduh mampu memberikan 'intelligent reply' yang mampu memulihkan segala kekurangan sepanjang prosiding berlangsung atau tertuduh mampu mengemukakan secara terperinci pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas yang menunjukkan tertuduh amat memahami butir-butir keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan terhadapnya. Walau bagaimanapun, perayu bukan seorang yang mampu memberikan 'intelligent reply' seperti yang dikehendaki di atas. Oleh itu, kegagalan hakim bicara melaksanakan tanggungjawab beliau bawah s. 257(1) KTJ telah menyebabkan 'miscarriage of justice' sepanjang prosiding di Mahkamah Sesyen. (perenggan 37 & 38)

(3) Keadaan perayu, yang tidak diwakili peguam bela, telah menimbulkan kesukaran apabila perayu tidak mampu mengemukakan soalan kepada saksi-saksi pembelaan dan pendakwaan dengan baik. Individu yang sesuai untuk membantu perayu, selain peguam bela, ialah hakim bicara. Hakim bicara mempunyai budi bicara dan kuasa mengemukakan soalan-soalan tambahan pada saksi-saksi pendakwaan; apatah lagi dalam situasi perayu yang tidak diwakili oleh peguam bela. Hakim bicara tidak boleh hanya berdiam diri sepanjang prosiding tersebut. (perenggan 57, 64 & 65)

(4) Hakim bicara bertanggungjawab memberi panduan dan menerangkan pada perayu akan prosedur perbicaraan; ini termasuklah penerimaan dan penolakan bahan-bahan bukti sebagai ekshibit di mahkamah. Tidak direkodkan bahawa hakim bicara telah menjalankan tanggungjawab ini sepanjang perbicaraan perayu. Keterangan yang tidak ditukar sebagai ekshibit tidak boleh diterima oleh mahkamah. Tindakan ini memprejudiskan perayu. (perenggan 66 & 69)

(5) Kekhilafan hakim bicara telah menjejaskan hak perayu sebagai tertuduh seperti yang diperuntukkan bawah per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Perayu telah menjalani tempoh 11 bulan daripada jumlah tiga tahun penjara semasa rayuan ini diputuskan. Oleh itu, perintah perbicaraan

semula tidak sesuai dikenakan atas perayu. Keputusan Mahkamah Sesyen, dalam mensabitkan perayu, adalah tidak selamat dan perlu diketepikan. Perayu dibebaskan daripada hukuman. (perenggan 77, 79 & 80)

Kes-kes yang dirujuk:
Ahmad Norizan Mohamad v. PP [2017] 10 CLJ 599 CA ***(dirujuk)***
Alma Nudo Atenza v. PP & Another Appeal [2019] 5 CLJ 780 FC ***(dirujuk)***
Amir Eiskandar Cik Mat v. PP [2017] 1 LNS 547 HC ***(dirujuk)***
Azahan Mohd Aminallah v. PP [2005] 1 CLJ 374 CA ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2003] 4 CLJ 409 CA ***(dirujuk)***
Detrich v. R [1993] 3 LRC 272 ***(dirujuk)***
Faried Aris lwn. PP [2021] 10 MLJ 539 ***(dirujuk)***
Hong Yik Plastics (M) Sdn Bhd v. Ho Shen Lee (M) Sdn Bhd & Anor [2020] 4 CLJ 479 CA ***(dirujuk)***
Kiew Foo Mui & Ors v. PP [1996] 1 CLJ 14 SC ***(dirujuk)***
Lee Kwan Woh v. PP [2009] 5 CLJ 631 FC ***(dirujuk)***
M Wealth Corridor Sdn Bhd (Formerly Known As Fantastic Megaway Sdn Bhd) v. Chan Tse Yuen & Co (Sued As A Firm) [2018] 1 LNS 375 HC ***(dirujuk)***
Muslim Latip v. PP [2021] 1 LNS 1219 HC ***(dirujuk)***
Pett v. Greyhound Racing Association Ltd [1968] 2 All ER 545 ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohd Fazle Omar [2019] 1 LNS 1632 HC ***(dirujuk)***
Shaari v. PP [1962] 1 LNS 185 HC ***(dirujuk)***
Sivalingam Periasamy v. Periasamy & Anor [1996] 4 CLJ 545 CA ***(dirujuk)***
Yahya Hussein Mohsen Abdulrab v. PP [2021] 9 CLJ 414 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 257(1), 422
Evidence Act 1950, s. 165
Federal Constitution, art. 5(1)
Penal Code, s. 324, 326A

Bagi pihak perayu - Samry Masri & Khairul Naim Rafidi; T/n V Samy Renu & Co T/n Sam Masri & Assocs
Bagi pihak pendakwaan - Aimi Syazwani Sarmin; TPR

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Azmi Abdullah H:

Latar Belakang Kes

[1] Perayu menghadapi satu pertuduhan di bawah s. 324 yang dibaca bersama s. 326A Kanun Keseksaan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 21.5.2019 jam lebih kurang 10.00 pagi di garaj m/lori alamat Lot 151656 Batu 8/2 Jalan Bernam Tg. Karang, dalam daerah Kuala Selangor menyebabkan kecederaan dengan menggunakan sebatang kayu ke atas pasangan kamu nama Noor Azuana binti Ariffin, KPT: 760820105812. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan Seksyen 326A Kanun Keseksaan.

[2] Hukuman untuk s. 324 Kanun Keseksaan boleh mencapai 10 tahun penjara atau denda atau sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman tersebut. Manakala, apabila dibaca bersama dengan s. 326A Kanun Keseksaan, hukuman yang boleh dijatuhkan adalah pemenjaraan bagi suatu tempoh dua kali ganda tempoh maksimum tersebut.

[3] Perayu telah mengendalikan keseluruhan perbicaraan secara sendiri tanpa menggunakan khidmat peguam. Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah memutuskan bahawa suatu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan dengan itu perayu telah dipanggil untuk membela diri.

[4] Di akhir kes pembelaan, HMS telah mendapati bahawa perayu telah gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan lalu telah menyabitkan perayu terhadap pertuduhan yang dikemukakan dan menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara dari tarikh jatuh hukum iaitu bermula dari 21 Mei 2021. Sementara menunggu rayuan didengar, perayu telah menjalani pemenjaraan.

[5] Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut telah dikemukakan ke peringkat Mahkamah Tinggi dan setelah dibekalkan dengan hujahan bertulis oleh pihak perayu dan responden serta disusuli hujahan secara lisan, mahkamah ini telah membenarkan rayuan tersebut serta mengenepikan keputusan penjara dan sebatan yang dikenakan. Semasa perayu dibebaskan di peringkat rayuan, perayu telah menjalani tempoh pemenjaraan selama 11 bulan.

[6] Tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan di peringkat rayuan di Mahkamah Tinggi, pihak pendakwaan telah mengemukakan rayuan ke peringkat Mahkamah Rayuan dan dengan itu disertakan di sini alasan penghakiman bagitujuan rayuan tersebut.

[7] Pihak pendakwaan telah memanggil lapan orang saksi semasa perbicaraan iaitu:

SP1 – Noor Azuana binti Ariffin – mangsa

SP2 – Dr. Pravin Andrian a/l Panichandiran – doktor merawat mangsa

SP3 – Dr. Amshar bin Mohamad – doktor menyediakan laporan perubatan

SP4 – Insp. Muhammad Azizul bin Ismail – pegawai tangkapan

SP5 – Sjn Mohd Zamri Abd Kadir – jurufoto

SP6 – Konst. Nurul Natasha binti Mohd Mohidin – pengadu

SP7 – Dr. Kiranjit Kaur – pegawai perubatan Hospital Sg. Buloh

SP8 – Insp. Khatimah binti Hassan – pegawai penyiasat.

Fakta Ringkas Kes Pendakwaan

[8] SP1 dan perayu merupakan pasangan suami isteri. Pada 21 Mei 2010 pada jam lebih kurang 9 pagi, SP1 yang merupakan seorang guru yang sedang berada di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Kuala Selangor telah menerima pesanan whatsapp daripada suaminya (perayu). Di dalam pesanan tersebut, perayu menyatakan telah menjumpai di dalam tablet yang berada di rumah gambar SP1 dengan bekas kekasihnya.

[9] Perayu memaksa SP1 untuk balik ke rumah dengan segera untuk menyelesaikan perkara tersebut dan turut mengugut untuk memukul SP1 dan anaknya. Apabila SP1 tiba di rumah mertuanya di alamat Lot 15165, Batu 8 1/2 Jalan Bernam, Tg. Karang, Kuala Selangor, telah berlaku pertengkaran antara perayu dan SP1. SP1 cuba untuk menjelaskan hal sebenar mengenai gambar tersebut namun ianya tidak diterima perayu dan perayu telah bertindak memukul SP1 di garaj motorlori di alamat tersebut,

[10] SP1 telah ditumbuk di bahagian mata dan kepala, ditendang dan dipijak dan telah juga dipukul dengan kayu beluti. SP1 telah merayu agar perbuatan tersebut tidak diteruskan namun perayu mengugut untuk memukul dengan lebih teruk jika SP1 menjerit atau menangis sehingga emak perayu tahu tentang apa yang berlaku.

[11] Selepas itu, SP1 telah pulang ke rumah dalam keadaan kesakitan dan apabila hal ini diketahui keluarganya, SP1 telah ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Laporan polis juga telah dibuat keesokan harinya apabila SP1 keluar daripada wad.

[12] Kedua-dua doktor iaitu SP2 dan SP7 yang merawat SP1 telah mengesahkan bahawa kecederaan yang dialami oleh SP1 adalah kesan calar panjang "vertical" di kaki sebelah kanan, paha kanan lebam, tangan kiri lebam, bengkak, belakang badan lebam, mata kanan lebam dan bengkak serta pendarahan dalaman (subconjunctival haemorrhage & haematoma).

[13] SP2 dan SP7 mengesahkan punca kecederaan adalah konsisten dengan cerita SP1 iaitu disebabkan kesan ditumbuk dan daripada objek tumpul yang mana apabila SP2 dan SP7 ditunjukkan kayu beluti (P9), mereka menyatakan terdapat kemungkinan kayu tersebut adalah punca kecederaan yang dialami SP1.

Keputusan Mahkamah Sesyen

[14] HMS telah memutuskan bahawa tiga inti pati pertuduhan telah berjaya dibuktikan iaitu:

(i) pada tarikh, waktu dan tempat yang disebutkan dalam pertuduhan perayu dan mangsa adalah suami isteri;

(ii) dengan sengaja mendatangkan cedera ke atas mangsa; dan

(iii) dengan menggunakan sebatang kayu.

berdasarkan (i), (ii), (iii) kesalahan ini merupakan satu kesalahan di bawah s. 324 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 326A Kanun Keseksaan yang mana pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan memerintahkan tertuduh untuk membela diri.

[15] Bagi peringkat kes pembelaan, HMS membuat dapatan bahawa pembelaan tertuduh adalah penafian semata-mata dan tiada sebarang bukti dikemukakan oleh tertuduh untuk menafikan yang tertuduh tidak terbabit dengan kejadian tersebut.

[16] Berasaskan keterangan pembelaan, HMS mendapati tertuduh telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.

Rayuan Di Mahkamah Tinggi

[17] Di dalam sesuatu perbicaraan kes jenayah, sebelum memutuskan sama ada seseorang tertuduh adalah didapati bersalah terhadap sesuatu pertuduhan yang dihadapi, adalah perlu dipastikan bahawa proses perbicaraan telah mengikut proses yang telah ditetapkan mengikut Akta Keterangan 1950 serta juga Kanun Tatacara Jenayah dan kegagalan berbuat demikian akan mencacatkan perbicaraan yang telah berjalan hingga boleh mencacatkan sabitan mahupun keputusan untuk membebaskan seseorang tertuduh.

[18] Bagi kes ini, perayu tidak diwakili peguam sepanjang perbicaraan dan telah secara sendiri mengendalikan perbicaraan terhadap pertuduhan yang dihadapinya. Mengikut nota keterangan di ms. 9 Rekod Rayuan Jilid 4, dicatitkan bahawa "OKT gagal untuk lantik peguam bicara. Duit digunakan untuk anak masuk asrama" dan setelah "tangguh sebentar" adalah menjadi catitan HMS bahawa "OKT bersedia untuk bela dirinya sendiri pada hari ini". Dengan itu boleh disimpulkan bahawa perayu berkeadaan tidak mampu untuk melantik peguam dan menyebabkan perayu sanggup untuk mengendalikan perbicaraan secara sendiri.

[19] Undang-undang tidak menetapkan bahawa mahkamah boleh memaksa perayu untuk melantik peguam dan peguam akan hanya disediakan oleh pihak mahkamah dalam kes-kes yang membabitkan hukuman mati mandatori. Dalam keadaan di mana perayu tidak diwakili peguam, maka tanggungjawab hakim bicara menjadi lebih tinggi dan rumit dalam memastikan perayu menjalani perbicaraan yang adil dan saksama kerana prinsip "innocent until proven guilty" masih terpakai dan menjadi teras utama untuk sesuatu perbicaraan kes jenayah.

[20] Artikel 5(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa:

> Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

[21] Di dalam kes *Yahya Hussein Mohsen Abdulrab v. PP* [2021] 9 CLJ 414; [2021] 5 MLJ 811, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun di Mahkamah Persekutuan telah menyatakan:

> [46] Be that as it may, in extreme cases, assessed objectively, *where counsel has acted far below the accepted standard such that his flagrant incompetency jeopardises the accused person's right to a fair trial, the overall purpose of Art 5(1) of the Federal Constitution – which is to deprive life or personal liberty only according to law – would be rendered illusory. As such, in those circumstances, the just thing to do would be to set aside the conviction.* (penekanan ditambah)

[22] Di dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan jelas menetapkan betapa pentingnya hak-hak tertuduh di bawah art. 5 Perlembagaan Malaysia dipelihara di mana kelemahan peguam bela dalam mengendalikan kes bagi pihak anak guamnya sehingga memprejudiskan anak guam dan menyebabkan anak guam tidak mendapat suatu perbicaraan yang adil dan saksama juga boleh menyebabkan sesuatu sabitan diketepikan.

[23] Memandangkan di dalam kes yang melibatkan tertuduh diwakili peguam (yang menjalankan tugasan dengan lemah) diputuskan sedemikian, maka di dalam kes di mana seseorang tertuduh tidak diwakili peguam, hak tertuduh perlu lebih dipelihara dan tanggungjawab tersebut jatuh kepada hakim bicara. Tertuduh yang tidak diwakili peguam perlu dibantu bagi memastikan hak-hak beliau di bawah art. 5 Perlembagaan Malaysia adalah terpelihara. Hakim bicara mempunyai kewajipan statutori untuk membantu perayu demi memastikan perayu mendapat suatu perbicaraan yang adil dan saksama.

Seksyen 257(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ)

[24] Peruntukan s. 257 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan:

> (1) Setiap perbicaraan di Mahkamah Majistret jika dan apabila Mahkamah memanggil tertuduh untuk membela diri, jika ia tidak diwakili oleh peguambela, Mahkamah hendaklah memberitahu kepadanya yang ia berhak sendiri memberi keterangan untuk membela dirinya, dan jika ia memilih memberi keterangan untuk membela dirinya **hendaklah ia diberi ingatan berkenaan perkara-perkara utama keterangan pendakwa terhadapnya supaya ia berpeluang menerangkannya.**
>
> (penekanan ditambah)

[25] Berdasarkan peruntukan ini, apabila perayu dipanggil untuk membela diri, hakim bicara wajib memberi ingatan berkenaan perkara-perkara utama keterangan pendakwa supaya perayu berpeluang menerangkannya dan/atau menangkisnya. Hal ini penting untuk perayu mendapat layanan yang adil dan saksama untuk mengelak daripada berlakunya sebarang salah laku keadilan.

[26] Berdasarkan nota keterangan di Jilid 2 Rekod Rayuan di ms. 55, dicatatkan sepertimana berikut, setelah perayu dipanggil untuk membela diri:

A - OKT telah dibacakan pilihan yang beliau berhak

- OKT memilih untuk beri keterangan angkat sumpah dalam kandang saksi,

[27] Ini berlaku pada tarikh 9 September 2020 dan mahkamah membenarkan penangguhan setelah perayu menyatakan memerlukan masa untuk penyediaan pembelaan. Kes pembelaan seterusnya telah berlangsung pada 8 Februari 2021 dengan perayu memberi keterangan sebagai SD1 dan bekas isterinya dipanggil sebagai SD2.

[28] Adalah jelas daripada catatan di atas bahawa perayu hanya dimaklumkan berkenaan pilihan-pilihan berkenaan cara memberi keterangan sahaja pada 9 September 2020 tetapi tidak diberikan ingatan dan/atau penerangan berkenaan perkara-perkara utama keterangan pendakwa terhadapnya supaya perayu berpeluang menerangkannya sebagaimana ditetapkan di bawah s. 257 Kanun Tatacara Jenayah yang dirujuk di atas. Pada tarikh 8 Februari 2021, kes pembelaan telah berlangsung, juga tanpa hakim bicara membuat penerangan yang diperlukan.

[29] Di dalam nas *Muslim Latip v. PP* [2021] 1 LNS 1219; [2021] MLJU 1479 di para. (36) telah menyatakan seperti berikut:

> [36] In short, this court is of the view that the administration of justice must not take "shortcuts". *It is essential that an unpresented accused feels that he was treatly justly and fairly, in accordance with the law. As the accused is unrepresented, the task falls on the trial judge to ensure the unrepresented accused is fairly and justly treated.* (penekanan ditambah)

[30] Di dalam kes *Faried Aris lwn. PP* [2021] 10 MLJ 539, pula telah dinyatakan:

> *Seksyen 257 KTJ menyatakan bagi tertuduh yang tidak diwakili peguam bela, menjadi kewajipan statutori hakim bicara untuk menerangkan kepada Perayu elemen-elemen penting kes pendakwaan semasa memanggil Perayu membela* diri. Mahkamah ini dapati hakim bicara tidak memberi apa-apa penerangan kepada Perayu mengenai elemen-elemen penting kes pendakwaan yang perlu dijawab oleh Perayu. Ini telah menyebabkan Perayu sukar membela diri semasa kes pembelaan. (penekanan ditambah)

[31] Sebagaimana dinyatakan di dalam kes di atas, adalah menjadi satu kewajipan statutori untuk hakim bicara memberikan amaran, arahan atau nasihat-nasihat yang perlu tentang perjalanan perbicaraan kepada perayu dalam keadaan perayu dipanggil membela diri. Hal ini kerana, perayu memilih untuk tidak diwakili peguam dan mahkamah perlu mengambil kira latar belakang perayu sebagai orang awam yang tiada latar belakang undang-undang dan dengan itu memberi bantuan yang sepenuhnya kepada perayu. Kegagalan hakim bicara daripada berbuat sedemikian akan membuka satu ruang salah laku keadilan sehingga perayu tidak dapat menerangkan kesnya dengan baik dan segala keputusan oleh hakim bicara adalah terkhilaf dan tidak mengangkat kepada konsep keadilan yang sebenar.

[32] Menurut s. 257(1) KTJ sepertimana dirujuk di atas, terdapat dua perkara yang menjadi kewajipan untuk dilaksanakan oleh seorang hakim bicara di dalam kes-kes di mana tertuduh tidak diwakili peguambela iaitu:

(i) hendaklah, memberitahu kepadanya mengenai haknya untuk memberi keterangan sendiri, dan jika dia memilih untuk memberi keterangan sendiri, dan jika dia memilih untuk memberi keterangan bagi pihaknya;

(ii) hendaklah, ia diberi ingatan berkenaan perkara-perkara utama dalam keterangan pendakwa yang tidak menyokongnya supaya ia boleh berpeluang untuk menerangkan perkara-perkara itu.

[33] Penelitian telah dibuat kepada ms. 55 dan 57 Rekod Rayuan Jilid 2 serta CRT bertarikh 8 Februari 2021 iaitu di awal peringkat pembelaan. Pada nota keterangan, ia jelas menunjukkan bahawa hakim bicara telah gagal melaksanakan tanggungjawabnya di bawah s. 257(1) KTJ.

[34] Pada CRT bertarikh 8 Februari 2021, bermula jam 10.49:12 (minit 00:00:41, Video RVT_FULL_202102081048), (tidak direkodkan di dalam nota keterangan), mahkamah hanya bertanya kepada perayu bagaimana perayu hendak mengendalikan pembelaan dan berapakah orang saksi yang hendak dipanggil sahaja. Hakim bicara tidak memberi ingatan berkenaan perkara-perkara utama dalam keterangan pendakwa yang tidak menyokong perayu supaya perayu berpeluang untuk menerangkannya di dalam pembelaan perayu melalui saksi-saksi yang dipanggil oleh perayu sebagaimana diwajibkan di bawah s. 257(1) KTJ.

[35] Rujukan dibuat kepada kes *Azahan Mohd Aminallah v. PP* [2005] 1 CLJ 374; [2005] 5 MLJ 334 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

> (3) … Dalam kes semasa, kegagalan Mahkamah Sesyen mematuhi s. 257(a) KAJ dengan seriusnya memprejudiskan Perayu. Berdasarkan fakta, adalah penting untuk mahkamah sesyen melaksanakan fungsi yang dimandatkan oleh s. 257(1).

[36] Seterusnya, Mahkamah Rayuan menyatakan:

> The section has been considered by the High Court in a number of cases including, *Shaari v. Public Prosecutor* [1963] MLJ 22, *Awaluddin bin Suratman & Ors v. Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 416, *Por Chop Aik v. Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 131 and by this Court in *Lokhman bin Abu v. Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 311. In the last of these cases, we had the opportunity to observe that the failure to comply with section 257(1) 'would attract different consequences in each case, according to its own facts'. That is a view to which we adhere. **The question is whether on the facts of the present case, the failure by the sessions court to comply with the section has seriously prejudiced the appellant. We think it has.**
> (emphasis added)

[37] Berdasarkan autoriti mantan di atas dan kepada kes-kes lainnya yang telah dirujuk di dalam kes di atas, kegagalan seseorang hakim bicara melaksanakan tanggungjawabnya di bawah s. 257(1) KTJ adalah secara amnya merupakan suatu miscarriage of justice, tetapi pengecualian diberikan (berdasarkan fakta-fakta kes) sekiranya tertuduh mampu memberikan "intelligent reply" yang mampu memulihkan segala kekurangan sepanjang prosiding berlangsung. (*Shaari v. PP* [1962] 1 LNS 185; [1963] MLJ 22) atau tertuduh mampu mengemukakan secara terperinci pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas yang menunjukkan tertuduh amat memahami butir-butir keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan terhadap beliau (*Amir Eiskandar Cik Mat v. PP* [2017] 1 LNS 547).

[38] Mengikut pengamatan mahkamah, perayu di dalam kes ini bukanlah seorang yang mampu memberikan "intelligent reply" yang mampu memulihkan segala kekurangan sepanjang prosiding berlangsung, mahupun seorang yang mampu mengemukakan secara terperinci pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas yang menunjukkan perayu amat memahami butir-butir keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan terhadap perayu. Oleh itu, kegagalan hakim bicara melaksanakan tanggungjawabnya di bawah s. 257(1) KTJ telah menyebabkan "miscarriage of justice" di sepanjang prosiding di Mahkamah Sesyen.

[39] Dua keadaan yang jelas menunjukkan bahawa perayu bukanlah seorang yang mampu memberikan "intelligent reply" yang mampu memulihkan segala kekurangan sepanjang prosiding berlangsung mahupun seorang yang mampu mengemukakan secara terperinci pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas yang menunjukkan perayu memahami butir-butir keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan terhadap beliau sepanjang perbicaraan, iaitu semasa pemeriksaan balas dan pembelaan.

Pemeriksaan Balas

[40] Walaupun pemeriksaan balas dikemukakan oleh perayu kepada sebahagian saksi-saksi pendakwaan, namun, soalan-soalan yang dikemukakan tidak membantu perayu mematahkan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan/atau menyampaikan pembelaan perayu kepada mahkamah.

[41] Pertama sekali, jelas perayu tidak memahami elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan di bawah s. 324 dan s. 326A dan oleh itu, perayu telah gagal untuk membuat pemeriksaan balas dengan terperinci bagi menyangkal elemen-elemen pertuduhan ke atasnya. Hakim bicara jelas gagal memperjelaskan inti pati yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan untuk dipatahkan oleh perayu sepanjang perbicaraan.

[42] Perayu malah gagal memahami butir-butir keterangan sepenuhnya dan ini dapat dilihat melalui soalan pemeriksaan balas itu sendiri. Bermula di ms. 17 Rekod Rayuan Jilid 2 serta CRT bertarikh 11 Mac 2020, bermula jam 12:13:36PM (minit 1:16:30, video 10h56m42s) pada pemeriksaan balas

perayu terhadap SP1 (Noor Azuana binti Ariffin), di mana perayu gagal membuat pemeriksaan balas dengan baik dan memuaskan, sehingga mahkamah perlu mendapatkan penjelasan daripada perayu tentang soalan-soalannya.

[43] Berdasarkan CRT, hakim bicara jelas menghadapi kesukaran untuk memahami apa yang hendak disampaikan ataupun yang hendak disoal oleh perayu disebabkan soalan yang kurang jelas daripada perayu. Pemeriksaan balas perayu hanya seperti sekadar mencukupkan syarat dalam mengemukakan soalan ketika pemeriksaan balas, tanpa arah tujuan dan tanpa mencapai apa-apa objektif jauh sekali menyangkal keterangan yang dikemukakan pendakwaan dan membina atau menyampaikan pembelaannya. Malah, perayu juga tidak mampu mengemukakan apa-apa soalan balas kepada saksi-saksi penting pihak pendakwaan di dalam kes ini.

[44] Ini dapat dilihat pada ms. 24 Rekod Rayuan Jilid 2 serta CRT bertarikh 11 Mac 2020, jam 3:06:55pm (minit 0:47:03, Video 14h20m22s) apabila pendakwaan memanggil saksi ketiga iaitu pegawai perubatan yang menyediakan laporan perubatan, perayu langsung tidak menyoal balas saksi pendakwaan tersebut. Saksi pendakwaan yang keempat iaitu pegawai tangkapan juga tidak disoal balas oleh perayu. Ini dapat dilihat dalam ms. 29 Rekod Rayuan Jilid 2 dan CRT bertarikh 11 Mac 2020 jam 3:48:41pm (minit 1:28:54, video 14h20m22s).

[45] Kedua-dua saksi ini adalah merupakan saksi penting bagi pihak pendakwaan dalam membuktikan wujudnya suatu kesalahan di bawah s. 324. SP3 dipanggil memberikan keterangan untuk membuktikan telah wujud kecederaan di pihak pengadu dan mengemukakan P6 sebagai ekshibit sementara SP4 dipanggil bagi membuktikan rampasan sebatang kayu yang telah didakwa digunakan sebagai alat bagi mencederakan pengadu dan telah mengemukakan P8 dan P9 sebagai ekshibit, tetapi malangnya tiada sebarang soalan telah dikemukakan oleh perayu untuk mencabar keterangan SP3 dan SP4 mahupun eksh.-eksh. P6, P8 dan P9 yang telah dikemukakan.

[46] Jelas daripada nota keterangan dan rakaman CRT, perayu bukanlah seorang yang mampu memberikan "intelligent reply" yang mampu memulihkan segala kekurangan sepanjang prosiding berlangsung mahupun seorang yang mampu mengemukakan secara terperinci pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas yang menunjukkan perayu memahami butir-butir keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan terhadap perayu sepanjang perbicaraan.

Pembelaan

[47] Semasa di peringkat pembelaan, perayu memanggil SD2 (bekas isterinya) dan mengemukakan dirinya sendiri sebagai saksi pembelaan.

[48] Walaupun SD2 merupakan bekas isteri beliau, perayu gagal mengemukakan pemeriksaan utama yang sempurna kepada SD2 bagi menunjukkan bahawa perayu bukanlah seorang yang panas baran dan kejadian yang dipertuduhkan ke atas perayu adalah timbul disebabkan bangkitan marah secara serta merta oleh pengadu sepertimana yang cuba disampaikan oleh perayu.

[49] Tambahan lagi, soalan-soalan yang dikemukakan kepada SD2 juga tidak membantu perayu sama sekali untuk membela diri bagi menimbulkan keraguan yang munasabah semasa kes pembelaan.

[50] Jelas di sini kegagalan hakim bicara melaksanakan tanggungjawabnya di bawah s. 257(1) iaitu memberi ingatan "berkenaan perkara-perkara utama dalam keterangan pendakwa yang tidak menyokongnya supaya ia boleh berpeluang untuk menerangkan perkara-perkara itu" telah menyebabkan perayu tidak memahami dan/atau berpeluang menggunakan kehadiran SD2 bagi membantu beliau mengemukakan pembelaannya dengan sempurna.

[51] Mahkamah berpendapat sekiranya hakim bicara melaksanakan tanggungjawabnya di bawah s. 257(1) KTJ, perayu pastinya boleh mengemukakan soalan-soalan yang lebih baik kepada SD2 dalam mematahkan keterangan-keterangan pihak pendakwaan ke atasnya.

[52] Malahan, semasa perayu mengemukakan soalan ketika pemeriksaan utama dijalankan ke atas SD2 (bekas isterinya), mahkamah tidak memahami soalan perayu malah dibantah beberapa kali oleh pihak pendakwaan kerana tidak memahami soalan serta soalan tidak kena mengena dengan pertuduhan tersebut. Hal ini boleh dilihat di dalam CRT bertarikh 8 Februari 2021, bermula jam 14:49:45 (minit 00:07:20, video RVT_FULL_2021020811443).

[53] Hal ini jelas menunjukkan bahawa perayu tidak berkeupayaan dalam mengendalikan perbicaraan walaupun perayu cuba untuk membela diri mengikut prosedur mahkamah.

[54] Dengan keadaan ini boleh disifatkan bahawa hakim bicara telah gagal melaksanakan tugasnya di bawah s. 257(1) KTJ dalam memberi peringatan berkenaan perkara-perkara utama keterangan pendakwa yang tidak menyokongnya supaya perayu berpeluang untuk menerangkan perkara-perkara tersebut.

[55] Bahkan, berdasarkan rakaman CRT, apabila perayu membuat pemeriksaan balas ataupun membuat pemeriksaan utama, mahkamah serta saksi-saksi didapati menghadapi kesukaran dalam memahami dan menafsirkan apakah yang hendak ditanya ataupun yang sebenarnya hendak disampaikan oleh perayu. Kegugupan dan ketidakfasihan yang nyata telah ditunjukkan oleh perayu.

[56] Berdasarkan daripada kegagalan dan kekurangan tersebut, telah menzahirkan "miscarriage of justice" yang nyata dan hal ini tidak boleh dirawat di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah.

Seksyen 165 Akta Keterangan 1950

[57] Hakim bicara juga mempunyai budi bicara dan kuasa untuk mengemukakan soalan-soalan tambahan kepada saksi-saksi pendakwaan apatah lagi dalam situasi perayu yang tidak diwakili oleh peguam bela demi mendapat perbicaraan yang adil dan saksama.

[58] Seksyen 165 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa:

> Hakim boleh untuk mengetahui atau mendapatkan bukti wajar mengenai fakta berkaitan, **menanyakan apa-apa soalan yang dihasratinya**, dalam apa-apa bentuk, pada bila-bila masa, kepada mana-mana saksi atau pihak, mengenai apa-apa fakta sama ada berkaitan atau tidak berkaitan; dan boleh memerintahkan supaya dikemukakan apa-apa dokumen atau benda; dan mana-mana pihak atau ejen mereka tidak berhak membuat apa-apa bantahan terhadap mana-mana soalan atau perintah sedemikian, atau, tanpa kebenaran mahkamah, memeriksa balas mana-mana saksi atas apa-apa jawapan yang diberikan dalam menjawab mana-mana soalan itu.
>
> (emphasis added)

[59] Di dalam nas *Ahmad Norizan Mohamad v. PP* [2017] 10 CLJ 599; [2017] 6 MLJ 326 Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa:

> This is not to say that a trial judge must remain passive at all times. There may be instances, especially in a criminal trial, *where an unequal contest between the adversaries occurs before the trial judge. The most obvious example which comes leaping to mind is that of an unrepresented accused person.* In such a case, the judge is duty bound to explain the evidence so that the accused person understands the proceedings. *It may even be appropriate for the trial judge to frame questions on behalf of an accused person where the accused person faces an unusual difficulty.* In most cases, however, a trial judge must resist the temptation to intervene, even when having the best of intentions, for it may invite criticism that the judge had not acted impartially.
>
> (emphasis added)

[60] Di dalam kes ini, hakim bicara seharusnya menggunakan budi bicara dan kuasa yang telah diperuntukkan di bawah s. 165 Akta Keterangan 1950 untuk mengemukakan soalan-soalan tambahan kepada saksi-saksi pendakwaan yang mana berdasarkan nota keterangan yang ada, ini tidak dilakukan.

[61] Hakim bicara tidak boleh hanya berdiam diri sepanjang prosiding tersebut apatah lagi dalam keadaan perayu yang tidak diwakili oleh peguam bela yang merupakan situasi yang amat sesuai untuk soalan-soalan tersebut diajukan supaya perayu memahami perjalanan prosiding perbicaraan. Kegagalan hakim bicara berbuat demikian telah menghalang perayu mendapat suatu perbicaraan yang adil dan saksama kerana perayu tidak dibantu ketika menyoal saksi-saksi pendakwaan.

[62] Hakim bicara yang bijaksana telah terkhilaf apabila gagal mengarahkan perhatian dan menggunakan budi bicara untuk membantu perayu mengemukakan soalan-soalan yang perlu kepada saksi-saksi pendakwaan dan pembelaan. Keadaaan perayu yang tidak diwakili peguam bela mewajibkan bantuan daripada hakim bicara untuk membantu perayu dalam keadaan tersebut. Di dalam kes *Pett v. Greyhound Racing Association Ltd* [1968] 2 All ER 545, mahkamah menyatakan bahawa:

> It is not every man who has the ability to defend himself on his own. He cannot bring out the points in his own favour or the weaknesses in the other side. He may be tongue-tied or nervous, confused or wanting in intelligence. He cannot examine or cross-examine witnesses. We see it every day. A magistrate says to a man 'you can ask any questions you like'; whereupon the man immediately starts to make a speech ...

[63] Di dalam kes *PP lwn. Mohd Fazle Omar* [2019] 1 LNS 1632; [2019] MLJU 1237 Hakim Mahkamah Tinggi turut menyatakan:

> Mahkamah ini berpendapat di dalam setiap kes di mana seseorang tertuduh tidak diwakili oleh peguam di atas sesuatu sebab dan Mahkamah memerintahkan untuk perbicaraan dijalankan maka adalah menjadi tugas Mahkamah untuk memberi panduan dengan jelas kepada tertuduh tersebut tentang tujuan dan objektif pemeriksaan balas supaya tidak berfaku kegagalan keadilan terhadap tertuduh.

[64] Berdasarkan nota keterangan, dapat dilihat dengan jelas bahawa keadaan perayu yang tidak diwakili peguam bela telah menimbulkan kesukaran apabila perayu tidak mampu untuk mengemukakan soalan kepada saksi-saksi pembelaan dan pendakwaan dengan baik, dan individu yang sesuai untuk membantu perayu selain daripada peguam bela ialah hakim bicara itu sendiri demi keadilan undang-undang.

[65] Tambahan pula, adalah suatu tanggungjawab hakim bicara untuk memberi panduan dengan jelas kepada tertuduh tersebut tentang tujuan dan objektif setiap pemeriksaan supaya tidak berlaku kegagalan keadilan terhadap perayu. Kegagalan hakim bicara daripada berbuat sedemikian merupakan satu kekhilafan dan telah mewujudkan kegagalan keadilan terhadap perayu, apabila tiada siapa yang dapat membantu perayu dalam proses mengemukakan soalan-soalan kepada saksi pendakwaan dan pembelaan.

Tandaan Ekshibit

[66] Sebagai seseorang yang tidak diwakili oleh seorang peguam, perayu telah mewakili dirinya sendiri. Dengan keadaan yang demikian, hakim bicara yang bijaksana bertanggungjawab memberi panduan dan menerangkan kepada perayu akan prosedur perbicaran termasuklah penerimaan dan penolakan bahan-bahan bukti sebagai ekshibit di mahkamah. Namun, mahkamah yang mulia telah terkhilaf kerana tiada direkodkan bahawa hakim bicara telah menjalankan tanggungjawabnya dalam membantu dan menerangkan prosedur penting ini sepanjang perbicaraan kepada perayu.

[67] Di dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2003] 4 CLJ 409; [2004] 1 MLJ 177, Mahkamah Rayuan menekankan bahawa: A

> Incidentally, learned counsel for the second appellant strenuously submitted that evidence were available but were not considered by the learned trial judge such as the receipts and building plans on the renovation works. But hardly, any of these alleged documents were tendered as exhibits. And one document that was relied upon quite heavily was IDD 37A. But that document was not admitted as an exhibit. It came into the picture purely for identification purpose. As such, we are inclined to agree with the learned trial judge that it should be excluded as part of the trial record. B C

[68] Seterusnya, di dalam kes *M Wealth Corridor Sdn Bhd (Formerly Known As Fantastic Megaway Sdn Bhd) v. Chan Tse Yuen & Co (Sued As A Firm)* [2018] 1 LNS 375; [2018] 10 MLJ 1, Mahkamah Tinggi menyatakan:

> In this regard, I have followed the principle that was enunciated by Abdoolcader J (as he then was,) in *Public Prosecutor v. Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 at p. 183 where he opined that documents which are not marked as exhibits must be excluded from the evidence for purposes of the trial. The relevant passage from the judgment of Abdoolcader J read as: D

> > It is necessary to refer to certain exhibits which have been put in the course of these proceedings for identification but have not in fact been proved as they should have been and are accordingly not exhibits in the strict sense and cannot therefore from part of the record in this case. **As these two exhibits have not been proved and properly admitted as such, they must in the ultimate analysis be discounted** and I shall accordingly disregard references to them and also all oral testimony as well adduced in relation thereto. E F
>
> (emphasis added)

[69] Keterangan yang tidak ditukar sebagai ekshibit tidak boleh diterima oleh pihak mahkamah. Tindakan ini memprejudiskan perayu apatah lagi dalam keadaan perayu yang tidak diwakili oleh peguam bela dan juga tidak dibantu dalam memahami prosedur penting perbicaraan yang membawa kepada kurangnya pengetahuan perayu akan perkara tersebut. G

[70] Melihat kepada nota keterangan kes ini di mahkamah perbicaraan, dapat dilihat bahawa hakim bicara yang bijaksana telah terkhilaf dalam menerima keterangan yang tidak ditukar sebagai ekshibit melalui ms. 31-34 nota keterangan tersebut. Saksi kelima iaitu Sarjan Mohd Zamri bin Abdul Kadir yang merupakan jurufoto di IPD Kuala Selangor telah mengambil lima keping gambar kecederaan mangsa bertanda IDS A hingga E. Namun, tiada mana-mana bahagian di dalam nota keterangan yang menunjukkan bahawa gambar tersebut ditukar kepada ekshibit iaitu P5 A hingga E. H I

A **[71]** Mahkamah terkhilaf apabila merujuk kepada ekshibit tersebut sebagai eksh. P5 A-E semasa perbicaraan pada ms. 41 nota keterangan apabila tiada apa-apa proses penukaran ekshibit daripada ID5 A-E ke P5 A-E sebelum itu. Oleh itu, mahkamah telah terkhilaf dalam menerima keterangan yang tidak ditukar sebagai ekshibit tanpa pengetahuan perayu.

B **[72]** Di dalam kes *Yahya Hussein Mohsen Abdulrab v. PP* [2021] 9 CLJ 414; [2021] 5 MLJ 811, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun di Mahkamah Persekutuan telah merujuk kes *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631; [2009] 5 MLJ 301 yang menyatakan:

> C Drawing the threads together; it is clear from the authorities that it is a fundamental right guaranteed by art. 5(1) that a person's life (in its widest sense) or his or her personal liberty (in its widest sense) may not be deprived save in accordance with state action that is fair both in point of procedure and substance. Whether an impugned state action is substantively or procedurally fair must depend on the fact pattern of each case. *However, when the principle is applied to a criminal case, what it means is that an accused has a constitutionally guaranteed right to receive a fair trial by an impartial tribunal and to have a just decision on the facts. If there is an infraction of any of these rights, the accused in entitled to an acquittal.* Whether there has been a fair trial by an impartial tribunal or a just decision on the facts of each case. (emphasis added)

E **Perbicaraan Yang Adil**

[73] Kekhilafan hakim bicara telah menjejaskan hak perayu sebagai tertuduh seperti yang diperuntukkan di bawah art. 5(1) Perlembagaan Persekutuan. Selain daripada tindakan mahkamah menerima keterangan yang tidak ditukar kepada ekshibit, alasan-alasan rayuan yang lain juga menunjukkan bahawa berlakunya pelanggaran hak perayu dan hal ini membolehkan perayu dibebaskan daripada hukuman.

[74] Penekanan terhadap perbicaraan yang adil telah dibuat di dalam nas-nas berikut:

G (i) *Kiew Foo Mui & Ors v. PP* [1996] 1 CLJ 14 yang mana held [3] menyatakan "in law the expression justice comprehends not merely a just decision but also a fair that";

(ii) *Detrich v. R* [1993] 3 LRC 272, Mahkamah Tinggi Australia memutuskan tentang hak untuk suatu perbicaraan yang adil seperti berikut:

> The right of an accused to receive a fair trial according to law is a fundamental element of our criminal justice system: see *Jago v. District Court (NSW)* (1989) 168 CLR 23, per Mason CJ at 29; Deane J at 56; TooheyJ at 72; Gudron J at 75.

(iii) *Alma Nudo Atenza v. PP & Another Appeal* [2019] 5 CLJ 780; [2019] 4 MLJ 1: A

> [109] Accordingly, art. 5(1) which guarantees that a person shall not be deprived of his life or personal liberty (read in the widest sense) save in accordance with law envisages a state of action that is fair **both in point of procedure and substance.** In the context of a criminal case, the article enshrines an accused's constitutional right to receive a fair trial by an impartial tribunal and to hat pave a just decision on the facts (see *Lee Kwan Woh* at para. 180. B

(iv) *Hong Yik Plastics (M) Sdn Bhd v. Ho Shen Lee (M) Sdn Bhd & Anor* [2020] 4 CLJ 479; [2020] 1 MLJ 743: C

> [11] In both civil and criminal cases rights exist and are being adjudged. In each the same inherent and constitutional rights exist. In each, the duty of the trial judge is the same, in each the parties are entitled to justice under the law. Concomitant with this is the that judge's duty to determine and apply the law applicable to the facts found. To the lowest and humblest, to the weak, the poor, and the strong, the same law applies. To be equally administered by a judge. *However, justice does not exist in substantive law alone. Justice in the application of substantive law is dependant on the pre-existent fairness of the procedure, in other words, procedural due process in the trial of the cause.* D E

[75] Mahkamah di peringkat rayuan berpuas hati bahawa timbulnya miscarriage of justice daripada tindakan hakim bicara menjalankan prosiding tersebut dan perayu sepatutnya dilepaskan daripada hukuman.

[76] Di dalam kes *Azahan Mohd Aminallah v. PP* [2005] 1 CLJ 374; [2005] 5 MLJ 334 yang dirujuk di atas, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa: F

> In the light of all the serious errors we have adumbrated it was clear that the appellant's conviction was unsafe and that there had been occasioned a failure or miscarriage of justice. We pause now to remind ourselves of the approach of our courts to cases as the present by quoting the following passage from the judgment of Hedge J in *Krishna Murthy v. Abdul Subban* [1965] 1 Cr LJ 565, which was applied with applied with approval by High Court in *Mohamed Din v. Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 251 and the Federal court in *Kiew Foo Mui v. Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 505. G
>
> The expression 'a failure of justice has in fact occasioned thereby' found in s. 535(1) Cr PC (which is s. 422 of the Code) does not connote that the court should be of the opinion that an innocent person has been convicted or the case against accused person is not made out beyond reasonable doubt. An accused person is entitiled to be aquitted whether there was a fair trial or not if no case is made out against him. For that purpose the Legislature need not have introduced the conception of failure of justice1 in s. 535 and 537, Cr PC. The 'failure of justice' mentioned therein H I

A

> is that occasioned by the contravention of the provisions in Chapter XIX, Cr PC. In law, the expression 'justice' comprehends not merely a just decision but also a fair trial. For the purpose of those sections a denial of fair trial is denial of justice. One of the contents of natural justice, which is so much valued, is the guarantee of a fair trail to an accused person. A fair trail is as important as a just decision. Neither the one nor the other can be sacrificed. Sacrifice of the one, in the generality of cases, is bound to lead to the sacrifice of the other. The two are closely interlinked.

B

> (29) To sum-up, this is a case riddled with serious errors because of poor investigation and prosecution. Additionally, the sessions court failed to observe the provisions of the Code and the Evidence Act. No suggestion was made by the learned deputy that a re-triat should be ordered. In any event, we do not consider this to be a proper case to order a re-trial. The appellant had already served seven years of imprisonment. In accordance with the settled practice of appellate courts, re-trials are generally not ordered in cases where the case has been pending against the accused for about four years. See *R v. Saunders* (1974) 58 CR App R 248. The original charge was in respect of an offence allegedly committed eight years ago. A re-trial is therefore not appropriate on the facts of the case.

C

D

[77] Perayu di dalam kes ini telah menjalani tempoh 11 bulan daripada jumlah tiga tahun hukuman yang dikenakan ke atasnya semasa rayuan ini diputuskan dan dengan itu, perintah perbicaraan semula adalah tidak bersesuaian dikenakan ke atas perayu dalam keadaan di mana mahkamah yang mulia ini mendapati wujudnya miscarriage of justice di peringkat perbicaraan.

E

Kesimpulan

F

[78] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang jelas bahawa tanggungjawab mahkamah di peringkat rayuan adalah sepertimana ditetapkan di dalam *Sivalingam Periasamy v. Periasamy & Anor* [1996] 4 CLJ 545; [1995] 3 MLJ 395 dalam mana diputuskan:

G

> it is trite law that an appellate court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the trial court to which the law entrusts the primary task of evaluation of evidence. *However, the appellate court has a duty to intervene where a trial court has misdirected itself, that one may say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion*

H

[79] Mahkamah ini telah mengambil kira nas tersebut dan setelah mengambil kira kekhilafan dalam proses perbicaraan yang berlaku di dalam kes ini memutuskan bahawa keputusan Hakim Mahkamah Sesyen mensabitkan perayu adalah tidak selamat dan perlu diketepikan. Dengan itu, rayuan ini dibenarkan dengan hukuman penjara diketepikan.

I

[80] Adalah tidak adil untuk hukuman ke atas perayu terus dijalankan apabila haknya sebagai tertuduh telah dilanggar dan ini jelas merupakan satu salah laku keadilan. Oleh itu, perayu hendaklah dibebaskan daripada hukuman atas sebab pelanggaran hak sebagai tertuduh demi mengangkat prinsip keadilan yang sebenar.

A

B

C

D

E

F

G

H

I